

SIARAN MEDIA

Untuk siaran segera



PROGRAM QURBAN PERDANA UDA SEBAGAI TANDA KESYUKURAN

SEREMBAN, 2 Ogos 2020 – UDA Holdings Berhad menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) **UDA Cares – Enriching Life** sekali lagi mengambil langkah murni dengan menyumbangkan lembu untuk ibadah korban di wilayah perniagaan UDA seluruh Malaysia.

Menerusi Program Qurban Perdana UDA 2020, UDA mengagihkan lembu tersebut ke surau dan masjid terpilih di Selangor, Pulau Pinang, Johor, Pahang, Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka dan Sarawak untuk disalurkan kepada asnaf dan ahli komuniti di sekitar kawasan tersebut.

Program ini dilaksanakan bagi menzahirkan rasa syukur atas nikmat dan rahmat di atas prestasi syarikat yang baik dan memberangsangkan pada tahun lepas, 2019. UDA turut memanjangkan rasa syukur atas kesihatan yang baik ke atas kakitangan serta keluarga setelah mengharungi wabak Covid-19 yang banyak memberi kesan kepada mereka.

YB Dato' Jalaluddin Alias, Pengerusi UDA berkata, "Sumbangan ini adalah salah satu usaha UDA menyantuni komuniti setempat dan dalam masa yang sama mengukuhkan ukhuwah sesama ahli komuniti.

"Inisiatif ini selari dengan komitmen UDA dalam **memperkasa gaya hidup** masyarakat setempat terutamanya di sekitar kawasan perniagaan dan pembangunan UDA. Menerusi pelaksanaan korban ini juga, UDA berharap dapat membantu komuniti setempat mengimarahkan lagi surau dan masjid serta memeriahkan sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini," kata beliau.

UDA turut memanjangkan rasa syukur kerana setelah mengharungi pelbagai transformasi dan liku-liku perjalanan sebagai sebuah organisasi yang mencorakkan pembangunan di Malaysia, kini UDA menuju usia 50 tahun. Ditubuhkan pada 12 November 1971, perjalanan menuju separuh abad ini juga telah meletakkan UDA sebagai pemaju hartanah yang dinamik dari dahulu sehingga kini.

Program Qurban Perdana UDA 2020 dijalankan serentak di seluruh Malaysia bermula 31 Julai hingga 2 Ogos 2020. Kemuncak program telah berlangsung pada hari ini di Angsana Seremban di mana Dato' Jalaluddin berpeluang mengedarkan daging lembu kepada golongan yang memerlukan.

Proses penyembelihan, melapah dan membungkus daging telah dijalankan di masjid mengikut SOP sebelum di hantar ke Angsana Seremban dan dibungkus untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan di sekitar kawasan tersebut.

Menurut Dato' Jalaluddin, UDA juga sentiasa fokus dalam mewujudkan keseimbangan seiring dengan perkembangan perniagaan.

“UDA tidak hanya tertumpu pada penjanaan keuntungan dan perniagaan semata tapi turut menitikberatkan keseimbangan serta sentiasa berusaha untuk menyumbang semula kepada komuniti setempat. Ini salah satu tunggak utama perniagaan UDA iaitu **perniagaan berorientasikan pelanggan** (customer focus).

“Pelbagai program CSR dijalankan sepanjang tahun antaranya **UDA Cares – Educational** yang menyasarkan khusus kepada pelajar. Program tersebut dilaksanakan menerusi pelantikan sekolah-sekolah terpilih di kawasan pembangunan UDA sebagai sekolah angkat. UDA turut memperuntukkan bajet untuk setiap sekolah bagi menyokong program dan pembangunan sekolah dan secara tidak langsung membantu dalam peningkatan prestasi pelajar,” katanya.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan merupakan salah sebuah organisasi pemaju hartanah, penyedia perkhidmatan hospitaliti juga pengurus aset & fasiliti yang berdaya saing dan mampan negara. UDA utuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor Bahru sejak tahun 1971.

Selama lebih empat dekad, UDA terus menyumbang ke arah pembangunan negara dengan memajukan urbanisasi di seluruh Malaysia. UDA juga tetap komited untuk memperluas penyertaan usahawan Malaysia dalam eko-sistem perniagaan UDA. Projek pembangunan hartanah UDA menyasarkan pembinaan premis berkualiti pada harga yang kompetitif untuk semua kumpulan pendapatan.

Kami fokus pada visi ‘Menjadi organisasi pilihan dengan kepelbagaian perniagaan hartanah dan pengurusan aset,’ dan kami secara konsisten berusaha untuk memenuhi misi kami iaitu ‘Memperkasa kehidupan dengan menawarkan produk dan perkhidmatan pada kadar terbaik.’

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di <http://www.uda.com.my/> atau laman Facebook [facebook.com/UDAHoldings](https://www.facebook.com/UDAHoldings) dan Instagram [@uda_official](https://www.instagram.com/uda_official).

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Latifah Osman (Lat)** | lat@udanet.com | +6012 291 5427
- **Nor Hanisah Kamaruzaman (Nisa)** | n.hanisah@udanet.com | +6013 597 4264
- **Norlizah Zahimi (Liza)** | norlizah@udanet.com | +6017 332 9854

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855